

# USIM anjur program bebas dadah

**Nilai:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan projek *Empowering Youth for Drug-Free Community 2015*, baru-baru ini.

Projek itu dikendalikan oleh Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA).

Pengarah ACREDA, Profesor Madya Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani, berkata projek itu bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia mengenai peranan mereka untuk mencegah penyalahgunaan dadah.

## **Risiko tinggi**

Beliau berkata, sasaran program itu adalah golongan belia berumur antara 17 hingga 40 tahun, iaitu peringkat umur yang sangat berisiko tinggi untuk terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

Katanya, projek itu bukan sahaja mampu mewujudkan kesedaran mengenai bahaya dadah, tetapi membolehkan peserta membantu mencegah penyalahgunaan dadah dalam masyarakat.

“Program ini dilaksanakan melalui pengajaran dan pembelajaran secara interaktif dalam kelas dengan peserta diberi pendedahan serta berbincang mengenai masalah dadah secara menyeluruh.

“Pengendali projek juga akan bertemu dengan golongan bermasalah atau yang berpotensi terbabit dalam penyalahgunaan dadah serta dilatih untuk menyampaikan maklumat mengenai bahaya dadah kepada masyarakat,” katanya.

## **Sebahagian daripada kajian**

Beliau berkata, projek itu diadakan dengan kerjasama Asia-Pacific University Community Engagement Network (APUCEN), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Universiti Sains Malaysia (USM) dan pertubuhan bukan kerajaan, PENGASIH Malaysia.

“Projek ini juga penting sebagai sebahagian kajian dan pembelajaran di ACREDA kerana pencegahan dalam kalangan golongan muda amat penting untuk membendung masalah dadah di negara ini,” katanya.



**Projek itu bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia mengenai peranan mereka untuk mencegah penyalahgunaan dadah”**

**Mohd Rushdan  
Mohd Jailani,  
Pengarah ACREDA**